

Kastam patahkan cubaan sindiket pedagang 8,000kg sisik tenggiling ke China

Gagal seludup sisik RM100 juta

12/8
KOSMO-3

Oleh IZYAN LIYANA MOHD. DARIF

KOTA KINABALU – Kelicikan satu sindiket penyeludupan yang menyembunyikan sisik tenggiling seberat 8,000 kilogram (kg) bernilai RM100 juta di bawah cangkerang siput gagal selepas dicekup pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah pada 29 Julai lalu.

Modus operandi sindiket berkenaan berjaya dihidu pihak JKDM Sabah semasa melakukan pemeriksaan ke atas dua kontena yang dijangka berlepas ke China dari Pelabuhan Sepanggar di sini pada pukul 9.20 pagi, 29 Julai lalu.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan ke atas dua kontena berkenaan menemui 8,000kg sisik tenggiling atau nama saintifiknya *manis javanica* yang dimuatkan di dalam 226 karung guni untuk diseludup ke China.

Pengarah Kastam Negeri Sabah, Datuk Janathan Kandok berkata, kesemua sisik tenggiling



JANATHAN (tengah) menunjukkan sebahagian daripada 226 karung guni berisi 8,000kg sisik tenggiling pada sidang akhbar di Kota Kinabalu semalam.



JANATHAN menunjukkan sisik tenggiling yang mendapat permintaan tinggi di China dan Vietnam kerana digunakan untuk tujuan perubatan tradisional.



TENGGILING antara haiwan eksotik yang paling banyak diseludup oleh sindiket.

itu dirampas kerana ia merupakan barang larangan, malah jika dihitung secara kasar sebanyak 16,000 tenggiling telah dibunuh bagi mendapatkan 8,000kg sisik itu.

"Hasil pemeriksaan

pada surat muatan yang dikemukakan karung guni terabit dicatatkan berisi cangkerang siput yang hendak dieksporth ke negara luar.

"Bagaimanapun, semasa melakukan pengimbasan kami menemui sejumlah sisik tenggiling yang sengaja disembunyikan di bawah cangkerang siput bersaiz besar," katanya pada sidang akhbar di Bangunan JKDM Sabah di sini semalam.

Rampasan terbaharu itu merupakan yang terbesar berjaya ditumpaskan di

Sabah selepas sebanyak 1,068 ekor tenggiling beku seberat 4,988kg bernilai RM748,000 dirampas di Sandakan enam tahun lalu.

Setakat ini JKDM masih menyiasat adakah semua sisik tenggiling itu dari Sabah atau Pelabuhan Sepanggar hanya dijadikan transit oleh sindiket.

Tambah beliau, pengimporan sisik tenggiling adalah dilarang di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017, Butiran 1, Jadual Ketiga, Bahagian III kecuali dengan permit import daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan

Taman Negara.

Sehubungan itu, JKDM Sabah telah memanggil seorang lelaki tempatan berusia 43 tahun bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 kerana mengeksporth barangan larangan, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008 dan Akta 686.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum denda minima 10 kali nilai atau maksima 20 kali nilai barangan yang disita atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

INFO Tenggiling

- Tenggiling diklasifikasikan sebagai haiwan dari kumpulan mamalia
- Seekor tenggiling dianggarkan seberat 5kg hingga 7kg dengan sisik seberat 0.5kg
- Makanan utama tenggiling ialah semut dan anai-anai
- Tenggiling hidup di hutan hujan tropika dataran rendah dan masih dapat ditemui di Asia Tenggara dan Afrika
- Lebih sejuta ekor tenggiling diperdagangkan secara haram di seluruh dunia antara tahun 2000 dan 2014, menjadikan haiwan itu antara mamalia yang paling tinggi diperdagangkan
- Daging tenggiling dianggap sebagai makanan eksotik manakala sisiknya digunakan dalam ubat tradisional menyebabkan ia mendapat permintaan tinggi di China dan Vietnam. Sisik mamalia itu didakwa baik untuk kanser, merawat luka dan meningkatkan tenaga seksual
- Daging tenggiling boleh mencecah RM1,288 sekilogram manakala sisiknya berharga RM12,500 di pasaran haram